

Graduan pertanian perlu lebih berkualiti

Oleh Noor Eszereen Juferi
bhvarsiti@bharian.com.my

SERDANG: Pertumbuhan industri pertanian di Malaysia memerlukan graduan pertanian yang berkualiti bagi memimpin isu berkaitan sektor pertanian kepada generasi masa depan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Chua Tee Yong, berkata sektor pertanian sentiasa memainkan peranan yang amat penting terutama dalam pembangunan ekonomi negara.

"Terdapat beberapa faktor yang menjejaskan bekalan pertanian dan makanan global antaranya penurunan dalam pengeluaran pertanian serta kos pengeluaran yang lebih tinggi.

"Kini dunia sedang menghadapi cabaran mengenai isu pertanian dan kita tidak boleh berhenti un-



CHUA (dua dari kanan) bermesra dengan sebahagian peserta The 3rd international Agriculture Students Symposium di UPM, baru-baru ini.

tuk mencari idea baru untuk mem-
peringkatkan industri pertanian
negara kita," katanya dalam majlis
perasmian The 3rd International
Agriculture Students Symposium
di sini, baru-baru ini. Hadir sama,
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal
Pelajar dan Alumni, Prof Datuk Dr
Mohd Fauzi Ramlan.

Simposium anjuran Persatuan
Mahasiswa Fakulti Pertanian, Fakulti
Pertanian UPM itu disertai 74 pelajar
pertanian ijazah pertama dari sem-
bilan negara iaitu Indonesia, Jepun,
Thailand, Kanada, Russia, China,
Emeryyah Arab Bersatu dan Filipina.

Sementara itu, Prof Mohd Fauzi,
berkata hampir 70 peratus graduan
Fakulti Pertanian UPM berjaya men-
dapat pekerjaan di pelbagai agensi
kerajaan dan sektor swasta.

"Graduan UPM bukan hanya
khusus dalam sektor pertanian
berorientasikan perniagaan, malah
berpotensi ke industri sains dan

teknologi, ahli akademik serta
sebagai pemimpin pada masa
akan datang.

"Menerusi simposium ini con-
tohnya, mahasiswa berpeluang
bertukar pandangan mengenai isu
semasa pertanian, perkembangan
maklumat pertanian dan idea ino-
vasi dalam sektor pertanian pada
program itu," katanya.

Peserta dari Russia, Naib Batu-
kaer, berkata simposium menyedia-
kan peluang baik kepada pelajar
antarabangsa untuk berkongsi ilmu
khususnya isu mengenai teknologi
pertanian, pengeluaran tanaman
dan alam sekitar.

"Ia menjadi pemangkin kepada
usaha kerjasama awal dalam
kalangan mahasiswa pertanian di
peringkat global selain mampu
dikongsi bersama rakan sene-
gara yang tidak berkesempatan
menyertai program sebegini,"
katanya.